

Penyelidikan UMS akan jadi tumpuan

BORNEO MAIL
22/04/1996

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah akan menjadi institusi penyelidikan utama di rantau ini.

Naib canselor UMS Dr Abu Hassan Othman berkata Unit Penyelidikan Marin Borneo dan Unit Penyelidikan Biologi Tropika akan memperluaskan kerja-kerja pada masa akan datang.

Bercakap pada akhir seminar dua hari dan bengkel "fokus Penyelidikan Marin dan Biologi Tropika di Sabah 1996-2000 di Tuaran kelmarin, beliau berkata kedua-dua unit itu juga akan menjadi rujukan antarabangsa untuk bidang masing-masing.

Unit Penyelidikan Marin akan menumpu-

kan perkara yang berkaitan dengan kepelbagaian marin seperti terumbu karang, kawasan paya, persisiran pantai dan lautan dalam.

Unit Penyelidikan Biologi Tropika pula akan menumpukan perkara-perkara biodiversiti dan ekosistem terhadap tanah.

Seminar dan bengkel dua hari itu bertujuan untuk mempertingkatkan lagi penyelidikan bersama universiti itu dengan pelbagai kerajaan, bukan kerajaan dan agensi swasta.

Seminar itu juga bertujuan untuk memastikan penyelarasan yang lebih baik dikalangan badan-badan itu agar tidak berlaku pertindihan



PANDIKAR (kiri) menerima cenderahati dari Abu Hassan

dalam usaha penyelidikan untuk mengurangkan pembaziran dari segi sumber.

Kira-kira 60 orang menghadiri majlis itu.

Seminar dan bengkel itu dirasmikan

oleh Menteri Pertanian dan Perikanan, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia.